

Kenangan di Lorong Fatimah!

Martini Mahmood

Nabilah hanya **mengeluh** panjang. Hasratnya ingin bermain di taman permainan hanya tinggal kenangan sahaja. Hanya terdengar jeritan dan petir sabung-menyalung. Nek Mah dengan segera menutup tingkap dan menyuruh Nabilah duduk di sofa. "Oh, panasnya cuaca hari ini!" keluh Nabilah sambil memicit-micit butang alat kawalan jauh televisyen.

Nabilah berasa bosan apabila tiada rancangan televisyen yang menarik yang dapat ditontonnya. Nabil pula sibuk bermain permainan elektronik.

"Alah Nabilah, berilah Nabil main puas-puas. Di rumah Nek Mah memang tidak boleh akses Internet," Nabil berkata sambil tersenyum.

Nabilah hanya mencebikkan bibirnya. Permainan elektroniknya yang dibawa tidak ada bateri.

Dia juga sudah selesai membaca buku ceritanya yang dipinjam dari perpustakaan beberapa hari yang lalu. Dia tidak tahu apa yang hendak dilakukan lagi. Nabilah menjenguk ke luar tingkap. Ramai kanak-kanak sedang bermain di taman permainan.

"Nabil, mari kita bermain di taman permainan!" ajak Nabilah.

Nabil hanya menggeleng-geleng tanpa memandang Nabilah apabila Nabilah mendekatinya. Nabilah menarik tangan Nabil tetapi mata Nabil masih melekat pada permainan elektroniknya.

Nabilah **mendengus** lalu melepaskan tangan abangnya. Dengan tidak disangka-sangka, hujan turun dengan lebatnya. Semua orang yang berada di taman permainan berlari **lintang-pukang** mencari tempat berteduh.



Anak-anak kecil menjerit keriangan dapat bermain dalam hujan.

“Nabilah nampak sedih sahaja?” tanya Nek Mah sambil **mengusap**-usap kepala Nabilah.

“Nabilah bosanlah Nek. Nabilah hendak bermain di taman permainan tetapi hujan pula,” kata Nabilah dengan sedih.

“Oh, begitu! Mari tolong Nek Mah di bilik stor,” ajak Nek Mah.

“Mengemas stor? Nek Mah hendak pindah rumah?” tanya Nabilah dengan hairan.

“Nek Mah mahu membeli basikal baharu untuk Nabil dan Nabilah! Jika kamu berdua **singgah** atau tidur di rumah Nek Mah nanti, kamu tidak berasa bosan lagi!” jelas Nek Mah.

“Wah, seronoknya! Mari Nabilah tolong Nek Mah!” kata Nabilah berlari ke bilik stor. Nabil yang sedang leka bermain turut terdengar perbualan mereka. Dengan pantas, Nabil pun bangun dan mendapatkan Nabilah. Nabil dan Nabilah membantu



Nek Mah mengemas bilik stor. Semasa mereka sibuk mengemas, Nabil ternampak sebuah album. Album itu kelihatan buruk.

“Nek Mah, ini album siapa? Boleh Nabil lihat?” tanya Nabil.

“Oh, ini album lama! Di dalam album ini mengandungi banyak gambar-gambar lama semasa Nek Mah masih kecil lagi. Mari kita lihat bersama-sama,” kata Nek Mah tersenyum.

Mereka berhenti mengemas dan duduk di ruang tamu.

“Ini rumah nenek. Kampung Nenek Kampung Lorong Fatimah,” kata Nek Mah sambil menunjukkan gambar sebuah rumah kampung yang **beratap** zink di tepi laut.

“Wah, besarnya rumah Nenek! Dekat pula dengan laut!” jerit Nabil.

Nek Mah bercerita tentang rumahnya kepada Nabil dan Nabilah. Nabil dan Nabilah berasa seronok mendengar cerita Nek Mah.

“Siapa tahu apakah benda ini?” tanya Nek Mah. Nabil dan Nabilah memerhatikan benda yang ditunjuk oleh Nek Mah. Berkerut dahi mereka memikirkannya.

“Ini namanya **perigi**. P.e.r.i.g.i. ejaannya!” kata Nek Mah. Nek Mah pun menceritakan fungsi perigi kepada orang kampung pada masa dahulu. Air perigi memainkan fungsi penting untuk orang kampung. Air perigi banyak kegunaannya seperti untuk mencuci baju, mandi, memasak, pertanian dan sebagainya.”

“Nek Mah, pernah mandi menggunakan air perigi?” usik Nabilah.

“Tentu seronok mandi di tepi perigi!” kata Nabil.

Nek Mah menunjukkan gambar sebuah bangunan. Bangunan itu dinamakan sebuah surau. Di dalam kampung Lorong Fatimah ada sebuah surau di mana orang kampung akan solat berjemaah pada setiap malam. Surau juga merupakan tempat berkumpul untuk aktiviti kampung dan sebagainya. “Nek Mah bermain dengan roda basikal?” tanya Nabil sambil menunjuk pada sekeping gambar di mana Nek Mah sedang bermain lereng.



“Oh, ini permainan lereng! Kami menggunakan roda basikal dan sebatang kayu. Nek Mah akan menolak roda basikal itu dengan menggunakan kayu ini! Kami akan berlumba dan pastikan roda basikal itu bergerak hingga ke garisan penamat!” Nek Mah menerangkan.

“Wah, Nek Mah nampak seronok dalam gambar ini! Pernah jadi juara?” usik Nabilah.

Nek Mah hanya tersenyum malu. Nek Mah menunjukkan lagi beberapa keping gambar yang diambil dengan rakan-rakannya.

“Yang ini pula, permainan tarik upih,” kata

Nek Mah. Nek Mah pun

menerangkan kepada

cucu-cucunya tentang

permainan tarik upih.

Permainan tarik upih

ini mesti dimain dengan

dua orang atau lebih.

Salah seorang mesti menjadi



tukang tarik dan seorang lagi duduk di atas upih. Upih ini boleh dinaiki seorang, dua orang, tiga orang asalkan muat dan bergantung kepada saiz upih yang luruh itu. Permainan upih ini seronok jika diadakan pertandingan. Kebiasaannya, yang lebih tua atau besar akan menjadi penarik, sementara yang kecil menjadi penunggangnya.

“Kamu mesti kuat kerana mesti menarik daun upih itu ke garisan penamat dalam perlumbaan!” jelas Nek Mah lagi.

“Alamak, jika rakan kita tidak kurus, bagaimana ya?” tanya Nabilah ketawa. Nek Mah cuma tersenyum mendengar keluhan Nabilah.

Nabil dan Nabilah menyambung melihat gambar-gambar lain yang menunjukkan Nek Mah bermain bersama rakan-rakannya di kampung. Nek

Mah dan rakan-rakannya juga bermain guli, batu seremban, congkak, tapak kuda dan sebagainya.



“Wah, menarik juga permainan pada zaman dahulu! Sungguh kreatif permainan mereka!” ujar Nabil.

“Begitulah cara kami menggunakan masa kami bermain bersama-sama. Kami tidak ada wang untuk membeli mainan ,” Nek Mah menerangkan.

Tiba-tiba Nabilah menjerit. Dia terperanjat melihat beberapa keping gambar Nek Mah di hospital. Kakinya berbalut tetapi Nek Mah kelihatan riang bersama rakan-rakannya. Nabilah melihat Nek Mah dengan kehairanan.

“Oh ini, gambar ini diambil ketika Nek Mah berada di hospital. Kaki Nek Mah dipatuk ular!” kata Nek Mah.

“Apa? Dipatuk ular?” Mata Nabil dan Nabilah **terbeliak.**

Nek Mah menceritakan kepada mereka bahawa insiden itu berlaku semasa Nek Mah berumur 12 tahun. Dia tidak nampak ada seekor ular bersembunyi di bawah reban ayam itu. Tanpa disedari, kakinya dipatuk ular semasa dia sibuk mencari telur –telur ayam dalam reban.

“Berapa lamakah Nek Mah dirawat di hospital?” tanya Nabil sambil memandang kaki Nek Mah.

“Nek Mah di hospital selama seminggu sahaja,” kata Nek Mah sambil menunjukkan parut di kakinya. Nabil dan Nabilah kelihatan **gerun** melihat parut di kaki Nek Mah.

Mereka menyambung melihat gambar-gambar dalam album buruk itu. Dalam setiap gambar-gambar itu, terpapar banyak aktiviti menarik yang telah dilakukan oleh Nek Mah dan rakan-rakannya seperti mencari labah-labah di longkang atau pokok, memancing di laut, berenang di tepi pantai, memanjat pokok dan sebagainya. Semua aktiviti-aktiviti ini dilakukan di kawasan kampung Lorong Fatimah.



Nabil dan Nabilah tidak berhenti-henti menanyakan cerita-cerita disebalik setiap gambar yang mereka lihat dalam album itu.

“Ini gambar rumah flat. Ini rumah baru Nek Mah?” tanya Nabilah ingin tahu.

“Betul, Nek Mah sekeluarga harus berpindah ke rumah flat kira-kira pada pertengahan tahun 1980an. Kami terpaksa berpindah kerana pemerintah Singapura ingin membina bangunan imigresen,” kata Nek Mah dengan wajah yang sayu.



Nek Mah bercerita lagi tentang Kampung Lorong Fatimah yang dirobohkan pada akhir tahun 1980an. Akhirnya, semua penghuni kampung itu berpisah dan berpindah ke rumah-rumah flat. Nek Mah menunjukkan gambar-gambar rumah flatnya dengan jiran-jiran baharunya.

“Nek Mah, tinggal di kampung dan flat berbeza tak?” tanya Nabilah.

“Memang berbeza. Nek Mah tidak dapat selalu bertegur sapa dengan jiran-jiran di flat kerana mereka



sentiasa tidak ada di rumah. Mereka sibuk dengan kerja masing-masing dan hanya pulang pada waktu petang atau malam. Bukan itu sahaja, pintu rumah mereka akan sentiasa tutup!" Nek Mah tersenyum.

"Oh, kasihan Nek Mah!" pujuk Nabilah sambil memeluknya.

"Nek Mah harus menerima kenyataan. Ada baiknya juga tinggal di flat. Nek Mah harap kamu berdua sentiasa **menghargai** kesenangan hidup di Singapura," nasihat Nek Mah kepada Nabil dan Nabilah.

Nabil dan Nabilah menyambung melihat gambar-gambar di dalam album itu. Selepas melihat gambar-gambar di dalam album itu, mereka menyambung menolong Nek Mah mengemas storinya.

Tidak lama lagi, basikal baharu mereka akan disimpan di dalam stor itu! Mereka tidak sabar menanti basikal baharu mereka.



Glosari

mengeluh	tidak tenteram fiziran, gelisah, berkeluh, menunjukkan atau melahirkan rasa sedih kerana kesusahan
lintang-pukang	berlari tunggang-langgang
mengusap	menggosok perlahan-lahan, membelai
singgah	berhenti sebentar di suatu tempat (dalam perjalanan)
perigi	lubang yang digali dalam tanah untuk mendapatkan air kerana tidak ada bekalan air paip
beratap	mempunyai atap (sesuatu seperti daun rumbia, genting, zink) yang digunakan untuk menutup bahagian atas rumah
menghargai	memuliakan, menghormati, menganggap penting, mengendahkan
terbeliak	mata terbuka luas-luas atau lebar-lebar
gerun	ngeri atau takut kerana sesuatu yang membahayakan
mendengus	menghembuskan nafas dengan kuat



Trivia

Tahukah kamu tentang ...

Nama Kampung Lorong Fatimah asalnya dari nama seorang bekas simbol keadilan dan keamanan Singapura (former justice of the peace in Singapore) iaitu Puan Fatimah Binte Haron. Beliau banyak menyumbang kepada pembangunan Singapura. Beliau juga membina sebuah surau di Kampung Lorong Fatimah.



Aktiviti Bersama Keluarga


Yok, kita bermain bersama-sama!

Permainan adalah sangat menyeronokkan. Bermainlah bersama ahli keluarga walaupun sekejap sahaja.

Contohnya permainan congkak, dam aji, dam ular, catur, main olok-lok, masak-masak atau apa-apa sahaja yang boleh dilakukan bersama.

Ambil gambar semasa bermain bersama-sama keluarga kamu.

Bawa gambar atau permainan tersebut ke sekolah dan kongsi pengalaman kamu bermain bersama keluarga dengan rakan-rakan di kelas.



Mari kita reka permainan baharu!

Jika kamu seorang pereka permainan di lelaman internet, apakah permainan komputer yang akan kamu reka yang boleh dimuat turun ke dalam telefon bimbit? Buat satu catatan ringkas mengenai permainan baharu itu.

Nama permainan: _____

Maklumat ringkas tentang permainan baharu:

